



## KENYATAAN MEDIA

---

### KEMPEN MEMERANGI COVID-19 BERSAMA KKMM

Selaras dengan Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang kini akan dilanjutkan sehingga 12 Mei 2020, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) akan melaksanakan Kempen Memerangi COVID-19 Bersama KKMM.

Saya percaya sejak PKP berkuat kuasa, masyarakat Malaysia terutamanya di Lembah Klang lebih selesa membuat pembelian menerusi aplikasi dalam talian.

Justeru, menerusi kempen yang akan dijalankan sehingga PKP berakhir ini, masyarakat Malaysia tidak kira pekerja barisan hadapan mahupun orang awam akan diberi lebih kesedaran berkenaan kepentingan penjagaan kebersihan dan menggalakkan mereka untuk terus kekal di rumah bagi mencegah penularan pandemik COVID-19.

Kami akan mengedarkan sebanyak 20,000 unit Pek Kesedaran yang mengandungi topeng muka, risalah, pelekat dan magnet peti ais COVID-19 kepada pekerja barisan hadapan Grabfood *riders* sementara 100,000 unit Pek Kesedaran lagi akan diedarkan kepada pelanggan Grab.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Salam Ramadan dan Selamat Berpuasa kepada semua yang beragama Islam.

Sepanjang bulan Ramadan ini, marilah kita merebut peluang untuk memperbanyak amal ibadah serta amal jariah. Terus kekal berada di rumah dengan menjadi pengguna Internet yang bijak bagi memutuskan rantaian COVID-19.

Saya berharap agar kita dapat meneruskan ibadah puasa kali ini dengan penuh niat untuk mengawal diri bukan sahaja daripada lapar dan dahaga tetapi juga terhindar daripada perbuatan menyebarkan berita palsu.

Ingat, #KitaJagaKita, jadi terus #DudukDiRumah dan #KitaMestiMenang.

**DATUK ZAHIDI ZAINUL ABIDIN  
TIMBALAN MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA  
24 APRIL 2020**